AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

ISU PENGHARAMAN VAPE

Dr Hilmi ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia 2015 Peringkat Kebangsaan di Kepala Batas, semalam. [FOTO ZULFA MOHAMAD/BH]

Kementerian sambut baik usaha PBT

» *Pihak berkuasa boleh kawal jualan ikut negeri*

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

▸ **Kepala Batas**

Kementerian Kesihatan menerima baik usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengharamkan atau mengawal penjualan vape di negeri masing-masing.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, berkata PBT mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang kecil dalam usaha mengawal penjualan vape, terutama kepada individu berusia bawah 18 tahun.

"PBT di setiap negeri boleh mengambil tindakan, sama ada mahu meluluskan operasi premis jualan vape atau sebaliknya kerana perkara itu di bawah bidang kuasa mereka.

"Setakat ini, isu mengenai penjualan dan pengharaman vape akan diserahkan kepada jawatankuasa khas kementerian untuk perbincangan selanjutnya," katanya pada sidang media selepas Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di sini, semalam.

Kelmarin, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan hukum menghisap vape dan 'shisha stick' sebagai haram.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, berkata pengharaman itu dibuat mengikut keputusan yang disepakati Panel Pakar Syariah (PPS).

Sebelum ini, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar, mahu produk vape dilarang dijual dan semua premis vape ditutup di Johor, berkuat kuasa 1 Januari 2016.

Pengharaman vape dan 'shisha stick' turut dimuktamadkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 23 November lalu.

Kadar kes baharu HIV menurun

Sementara itu, Dr Hilmi berkata, Kementerian Kesihatan menjangka kadar kes baharu HIV yang dilaporkan menurun, mencapai sasaran di bawah 11 kes bagi 100,000 penduduk menjelang akhir tahun ini.

Katanya, senario epidemik HIV/AIDS menunjukkan trend menurun menyamai senario epidemik dunia.

"Jangkitan baharu HIV/AIDS mencatatkan penurunan sebanyak 50 peratus berbanding tahun 2002, namun trend menurun ini kekal mendatar sejak 2010.

"Sepanjang tempoh Januari hingga September lalu, 2,455 kes baharu jangkitan HIV dilaporkan dan dijangkakan 3,273 kes akan dilaporkan untuk tahun ini dengan kadar notifikasi kes 10.7 kes bagi 100,000 penduduk," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NASIONAL

Hospital Sungai Buloh lancar dua buku panduan pesakit

Sungai Buloh: Hospital Sungai Buloh melancarkan dua buku panduan untuk pesakit yang dalam proses pemulihan akibat kemalangan atau terkena jangkitan kuman.

Ketua Jabatan Perubatan Rehabilitasi Hospital Sungai Buloh, Dr Akmal Hafizah Zamli, berkata penerbitan buku itu adalah inisiatif pihaknya untuk membantu pesakit saraf tunjang.

Katanya, kandungannya merangkumi pengenalan berkenaan saraf tunjang, kaedah penjagaan pesakit dan pengalaman pesakit.

"Buku itu ditulis sendiri oleh kakitangan Jabatan Pusat Rehabilitasi hospital ini dan diterbitkan bagi memberi kefahaman serta kesedaran kepada pesakit serta mereka berhubung proses rehabilitasi," katanya selepas majlis Forum Rehabilitation Back To The Future dan Sambutan Hari OKU Sedunia 2015 di sini, semalam. Majlis disempurnakan oleh Pengarah Kesihatan Selangor, Dr S Balachandran.

Dr Akmal Hafizah berkata, sebahagian besar masyarakat kurang peka proses pemulihan mangsa kemalangan atau terkena jangkitan kuman.

Katanya, 1,000 naskhah diterbit dan pihaknya merancang mengedar kepada hospital secara percuma.

AKHBAR : METRO AHAD
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : SETEMPAT

Jarum bukan lagi punca utama

Penyebaran virus HIV kini beralih melalui hubungan seksual

Oleh Zulfa Mohamad
am@hmetro.com.my
Kepala Batas

Walaupun situasi epidemik AIDS dan virus HIV bagi kes baru di negara ini menunjukkan penurunan 50 peratus, ia masih dianggap ancaman besar terutama penyebaran melalui hubungan seksual.

Sebelum ini, penyebaran HIV melalui perkongsian jarum suntikan dalam kalangan penagih dadah dianggap ancaman utama, namun kini ia beralih kepada perilaku seksual sebagai punca utama.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, kadar jangkitan HIV melalui perilaku seksual didapati meningkat secara relatif daripada 18.2 peratus pada 2002 kepada 78.3 peratus tahun lalu dengan jangkitan melalui heteroseksual merangkumi 17.5 peratus pada 2002 sebelum meningkat kepada 50.3 peratus tahun lalu.

Katanya, sebelum ini kebimbangan penularan virus HIV melalui perkongsian jarum suntikan, tetapi usaha pelbagai menyaksikan jangkitan melalui kaedah itu menurun daripada 74.2 peratus pada 2002 kepada 19.3 peratus tahun lalu.

> "Kini kita memberi tumpuan mengawal perilaku seksual yang menjadi punca utama penyebaran virus HIV sama ada secara homoseksual atau biseksual"
> *Dr Hilmi Yahaya*

"Usaha mengawal HIV di negara ini bermula sejak 1986 dan ia mula menunjukkan kesan dengan bilangan kes baru dicatatkan secara mendatar.

"Kini kita memberi tumpuan mengawal perilaku seksual yang menjadi punca utama penyebaran virus HIV sama ada secara homoseksual atau biseksual," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari AIDS Sedunia 2015 Peringkat Kebangsaan di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), dekat sini, semalam.

Sempena program itu, beliau turut melancarkan Dokumen Strategi Kebangsaan Akhiri AIDS 2016-2030 sebelum diagihkan kepada agensi berkaitan.

Turut sama, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman dan Pengarah Kesihatan Pulau Pinang Datuk Dr Zailan Adnan.

Menurut Dr Hilmi, selain kes HIV menunjukkan penurunan, kadar kematian akibat virus berkenaan turut berkurang kepada 28 peratus sejak 2002.

"Sejak Januari hingga September tahun ini, 2,455 kes baru jangkitan HIV dilaporkan dan 3,273 kes dijangka dilaporkan sehingga akhir tahun ini.

"Berikutan itu, negara dijangka mencapai sasaran pengurangan kes baru HIV daripada 28 per 100,000 penduduk kepada 11 per 100,000 penduduk," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 52
RUANGAN : DARI KELANTAN

Penghidap diabetes di Kelantan meningkat

RANTAU PANJANG - Peratusan penghidap diabetes dalam kalangan penduduk di Kelantan ketika ini agak membimbangkan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Ahmad Razin Ahmad Mahir berkata, statistik pada 2011 menunjukkan 20 peratus daripada seluruh penduduk Kelantan menghidap diabetes, berbanding 12 peratus pada 2006.

Menurutnya, ia bermakna 20 orang daripada 100 penduduk berusia 18 tahun ke atas adalah pesakit diabetes.

"Lebih serius apabila 59.4 peratus daripada pesakit ini tidak menyedari mereka menghidap diabetes sehinggalah di saat-saat akhir.

"Sehubungan itu, kami sarankan penduduk buat pemeriksaan kesihatan secara berkala kerana belia berpotensi tinggi menghidap diabetes, meningkat daripada 2.8 peratus pada 1996 kepada 7.6 peratus pada 2011," katanya selepas menjayakan Sambutan Hari Diabetes Sedunia Peringkat Negeri dan Kem 'I Want' peringkat Pasir Mas di Pejabat Kesihatan Pasir Mas, semalam.

Ahmad Razin berkata, program itu antara usaha Jabatan Kesihatan Kelantan mendidik masyarakat mengawal tahap pengambilan gula dalam makanan.

Sambutan turut dimeriahkan dengan penganjuran pertandingan larian desa sejauh tujuh kilometer melibatkan kategori terbuka dan veteran.

Seramai 12 pemenang utama pelbagai kategori menerima hadiah wang tunai, semalam.

AKHBAR : MALAY MAIL
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : TOP NEWS

The authorities are concerned that secondary school students are increasing picking up the vaping habit.

States urged to enact bylaws on vaping ban

KEPALA BATAS — The Health Ministry has urged state governments to enact bylaws to ban vaping.

Deputy Health Minister Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya said since state governments had the authority to pass and amend bylaws, they can introduce laws to control the sale of vaping products in their states.

"The state government (through local governments) can also decide whether or not to approve operating licences to premises selling vape and vape liquids,"he said.

He said this was one of the ways to control vaping, as the habit is catching up among secondary school students in the country.

The Johor government has imposed a ban on vaping beginning Jan 1, following a decree by Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Dr Hilmi was met after officiating the national "World AIDS Day" celebrations which was held at the Mara Science College yesterday.

Also present were the ministry's deputy director-general Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman, Seberang Perai Municipal Council president Datuk Mainunah Mohd Sharif and state health department director Datuk Dr Zailan Adnan.

Dr Hilmi said the new HIV cases in the country is expected to drop to 11 cases per 100,000 people by the year-end.

He said new HIV/AIDS infection cases had dropped by 50 per cent from 2002 and there was a downward trend in the number of cases reported since 2010.

He also said AIDS-related death had decreased by 28 per cent since 2002.